



GARIS PANDUAN PERMOHONAN

PROGRAM GRADUAN CEMERLANG 2021 *GRADUATE EXCELLENCE PROGRAMME (GrEP) 2021*

1.0 PENGENALAN

MARA menawarkan pinjaman pelajaran dalam bentuk pinjaman boleh ubah ke peringkat Pasca Siswazah (Sarjana dan Doktor Falsafah) di Institusi Pengajian Tinggi terkemuka dalam dan luar negara kepada graduan cemerlang dalam bidang yang memberi impak besar kepada keperluan guna tenaga negara.

2.0 SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

Calon-calon mestilah memenuhi syarat umum dan syarat khusus permohonan seperti berikut:

2.1 Syarat Umum

2.1.1 Pemohon dan salah seorang ibu ATAU bapa adalah berketurunan Bumiputera dan warganegara Malaysia.

2.1.2 Had umur pemohon pada **31 Disember 2021**:

Peringkat Pengajian	Tempat Pengajian	Had Umur
Sarjana	Dalam Negara	Tidak melebihi 40 tahun
	Luar Negara	Tidak melebihi 35 tahun
Doktor Falsafah	Dalam Negara	Tidak melebihi 45 tahun
	Luar Negara	Tidak melebihi 40 tahun

- 2.1.3 Pemohon telah menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Pertama/Sarjana dengan kejayaan akademik cemerlang seperti yang dinyatakan dalam para 2.2.1.
- 2.1.4 Pemohon wajib disahkan mempunyai kesihatan yang baik oleh seorang pengamal perubatan berdaftar serta bebas dari mengandungi, penyakit mental, cacat fizikal, penyakit berjangkit (HIV-AIDS, Hepatitis B & C dan lain-lain), epilepsi, penyakit genetik dan penyalahgunaan dadah.
- 2.1.5 Pemohon/Ibu/Bapa/Penjaga/Pasangan tidak termasuk dalam Senarai Hitam (*blacklisted*) MARA atau dalam tindakan Undang-Undang MARA.
- 2.1.6 Tidak mendapat bantuan kewangan/tajaan daripada mana-mana agensi bagi pengajian di peringkat yang sama.
- 2.1.7 Mendapat pelepasan/penangguhan kontrak perkhidmatan atau bayaran balik pinjaman daripada badan penaja lain. Bagi calon yang sedang dalam perkhidmatan perlu mendapat kelulusan cuti belajar atau pengesahan bertulis daripada majikan.
- 2.1.8 Tidak pernah ditamatkan bantuan oleh mana-mana penaja atas sebab tindakan disiplin, menyalahi undang-undang negara serta tidak pernah diberhentikan oleh mana-mana Institusi Pengajian atas masalah akademik/disiplin.

2.2 Syarat Akademik

2.2.1 Syarat kelayakan Akademik seperti berikut :

Peringkat Pengajian	Tempat Pengajian	Kelayakan Akademik
Sarjana	Dalam Negara	1. Memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan pencapaian CGPA minimum 3.00 atau yang setaraf dengannya bagi pengajian peringkat terdahulu
	Luar Negara	1. Memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan pencapaian CGPA minimum 3.75 atau yang setaraf dengannya; 2. Memperolehi IELTS 6.5
Doktor Falsafah (PhD)	Dalam Negara	1. Memiliki kelayakan Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan pencapaian CGPA minimum 3.50 atau yang setaraf dengannya;
	Luar Negara	1. Memiliki kelayakan Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan pencapaian CGPA minimum 3.75 atau yang setaraf dengannya; 2. Memperolehi IELTS 6.5

- 2.2.2 Bagi pengajian peringkat Sarjana Senibina (*Part II*) pemohon perlu mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) *Part I* dan pengalaman kerja dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya enam (6) bulan.
- 2.2.3 Pemohon yang tidak memenuhi syarat CGPA seperti yang dinyatakan layak dipertimbangkan, sekiranya memiliki pengalaman kerja dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.

3.0 SYARAT PROGRAM

- 3.1 Pemohon yang sedang atau akan memulakan pengajian **sebelum atau pada 31 Disember 2021**.
- 3.2 Mempunyai baki tempoh pengajian sekurang-kurangnya **1 tahun bagi pengajian peringkat Sarjana dan 2 tahun bagi pengajian peringkat Doktor Falsafah**.
- 3.3 Mendapat tawaran pengajian daripada Institusi Pengajian dalam negara seperti di **LAMPIRAN A**.
- 3.4 Mendapat tawaran bersyarat (*Conditional Offer*) atau tanpa syarat (*Unconditional Offer*) daripada Institusi Pengajian terkemuka luar negara seperti di **Lampiran B**.
- 3.5 Belum mempunyai kelayakan akademik bagi peringkat pengajian yang akan diikuti.
- 3.6 Kursus yang diikuti telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

3.7 Permohonan terbuka untuk pengajian secara **SEPENUH MASA** sahaja mengikut kursus dalam bidang terpilih seperti di **Lampilan C**.

4.0 TEMPOH PINJAMAN

4.1 Tempoh pinjaman (maksimum) bagi setiap peringkat pengajian adalah seperti berikut:

4.1.1 Sarjana : 2 tahun

4.1.2 Doktor Falsafah : 4 tahun

5.0 PERMOHONAN

5.1 Permohonan perlu dibuat secara atas talian (*online*) dengan melayari laman *web* rasmi MARA <http://www.mara.gov.my> mulai 21 Jun sehingga 05 Julai 2021.

5.2 Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak MARA selepas tiga (3) bulan daripada tarikh iklan adalah dianggap tidak berjaya dan keputusan adalah muktamad.

6.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh berhubung seperti butiran di bawah:

Bahagian Penganjuran Pelajaran
Tingkat 10, Ibu Pejabat MARA
21 Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur

Telefon : 03-2613 2103 / 2054 (GrEP@ Luar Negara)
03-2613 2584 / 2106 / 2083(GrEP@ Dalam Negara)

Emel : grepdn@mara.gov.my (bagi permohonan dalam negara)
grepln@mara.gov.my (bagi permohonan luar negara)

LAMPIRAN A

SENARAI UNIVERSITI DALAM NEGARA BAGI PROGRAM GRADUAN CEMERLANG TAHUN 2021

A. UNIVERSITI AWAM

B. GOVERNMENT LINKED UNIVERSITY (GLU)

1. UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS
2. UNIVERSITI TENAGA NASIONAL
3. UNIVERSITI MULTIMEDIA

C. INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS)

1. ASIA PACIFIC UNIVERSITY OF TECHNOLOGY & INNOVATION
2. ASIAN INSTITUTE OF MEDICINE, SCIENCE AND TECHNOLOGY
3. BERJAYA UNIVERSITY
4. CITY UNIVERSITY
5. HELP UNIVERSITY
6. INFRASTRUCTURE UNIVERSITY KUALA LUMPUR
7. INTERNATIONAL MEDICAL UNIVERSITY
8. INTI INTERNATIONAL UNIVERSITY
9. KDU UNIVERSITY COLLEGE
10. KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
11. LINCOLN UNIVERSITY COLLEGE
12. MAHSA UNIVERSITY
13. MANAGEMENT & SCIENCE UNIVERSITY
14. NILAI UNIVERSITY
15. PERDANA UNIVERSITY
16. SEGI UNIVERSITY
17. SUNWAY UNIVERSITY
18. TATI UNIVERSITY COLLEGE
19. TAYLORS UNIVERSITY
20. UCSI UNIVERSITY
21. UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN
22. UNIVERSITY OF CYBERJAYA
23. CURTIN UNIVERSITY MALAYSIA
24. MONASH UNIVERSITY MALAYSIA
25. NEWCASTLE UNIVERSITY MEDICINE MALAYSIA
26. SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY SARAWAK CAMPUS

27. UNIVERSITY OF NOTTINGHAM MALAYSIA CAMPUS
28. UNIVERSITI KUALA LUMPUR
29. UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK
30. INTERNATIONAL CENTRE FOR EDUCATION IN ISLAMIC FINANCE
31. MANIPAL INTERNATIONAL UNIVERSITY
32. ASIA METROPOLITAN UNIVERSITY
33. HERRIOT-WATT UNIVERSITY MALAYSIA
34. PUTRA BUSINESS SCHOOL
35. QUEST INTERNATIONAL UNIVERSITY PERAK
36. TUNKU ABDUL RAHMAN UNIVERSITY COLLEGE
37. WIDAD UNIVERSITY COLLEGE
38. LINTON UNIVERSITY COLLEGE
39. KPJ HEALTHCARE UNIVERSITY COLLEGE
40. UNIVERSITY COLLEGE BESTARI
41. KUALA LUMPUR METROPOLITAN UNIVERSITY COLLEGE
42. SOUTHERN UNIVERSITY COLLEGE
43. UNIVERSITY COLLEGE OF TECHNOLOGY SARAWAK

**SENARAI UNIVERSITI LUAR NEGARA BAGI PROGRAM
GRADUAN CEMERLANG TAHUN 2021**

Pilihan universiti mengikut subjek/program berdasarkan *QS World University Ranking*

1.1 KEDUDUKAN DI UNITED STATES & UNITED KINGDOM

No	Kategori	Kedudukan
1	Kedudukan Terbaik mengikut subjek / program	20 teratas

1.2 KEDUDUKAN DI NEGARA MEMBANGUN

No	Kategori	Kedudukan
1	Kedudukan Terbaik mengikut subjek / program (Denmark, Sweden, Norway, Netherlands, Finland, New Zealand, Switzerland, Jerman, Kanada, Ireland, Singapura, Australia, Perancis, Jepun, Portugal, Republik Czech, Korea Selatan, Sepanyol, Itali)	10 teratas

1.3 KEDUDUKAN DI NEGARA SEDANG MEMBANGUN

No	Kategori	Kedudukan
1	Kedudukan Terbaik mengikut subjek / program (China, Taiwan, India, Rusia)	5 teratas

KURSUS BAGI PROGRAM GRADUAN CEMERLANG
TAHUN 2021

